

PM mulakan lawatan rasmi ke Thailand

UM - 13/2/2007

BANGKOK 12 Feb. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memulakan lawatan rasmi ke Thailand hari ini - yang pertama sejak negara ini dipimpin oleh Perdana Menteri, Surayud Chulanont.

Lawatan tiga hari itu bermula dengan mesyuarat tidak rasmi di pulau peranginan Phuket dengan Abdullah dan Surayud bermain golf bersama diikuti majlis makan malam sebelum perbincangan lebih serius di sini, esok.

Di Bangkok, Perdana Menteri akan menghadap Raja Bhumipol Adulyadej di Vila Chitralada, Istana Dusit diikuti dengan mesyuarat dengan Surayud.

Ini merupakan lawatan pertama Abdullah ke Thailand selepas Surayud mengambil alih jawatan Perdana Menteri berikutan rampasan kuasa pada 19 September tahun lalu yang menjatuhkan Thaksin Shi-

nawatra.

Pada 18 Oktober tahun lalu, Perdana Menteri Thailand itu telah berkunjung ke Kuala Lumpur yang antara lain meminta bantuan Abdullah untuk mengembalikan keamanan di wilayah-wilayah selatan iaitu Yala, Pattani dan Narathiwat.

Majoriti penduduk di tiga wilayah itu beragama Islam dengan hampir 2,000 orang telah terkorban disebabkan pergolakan.

Sehubungan itu, isu tersebut dijangka menjadi agenda utama pada pertemuan kedua-dua pemimpin esok selain usaha mengukuhkan hubungan dua hala dan kerjasama ekonomi terutama di kawasan Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMTGT).

Para pemerhati juga berharap lawatan Abdullah itu dapat merapatkan kembali hubungan yang sedikit renggang ketika di bawah pemerintahan Thaksin apabila Ma-

laysia dituduh memberi perlindungan kepada kumpulan pemisah di selatan Thailand.

Semasa di bawah pemerintahan Thaksin, Malaysia kerap dituduh melindungi pemberontak dan gagal memberikan kerjasama menangkap mereka yang disyaki sebagai pemisah.

Pada Ogos 2005, hubungan diplomatik kedua-dua negara tergugat apabila 131 rakyat Thailand beragama Islam dari Narathiwat melarikan diri ke Kelantan untuk mencari perlindungan. Kecuali seorang yang telah diserahkan kepada polis Thailand pada akhir 2005, yang lain enggan pulang.

Selain itu, isu dua kerakyatan juga dijangka turut dibincangkan pada pertemuan itu yang mana ia dikatakan mempunyai kaitan dengan usaha membanteras kegiatan jenayah antara sempadan ke-

dua-dua negara.

Pihak berkuasa Thailand menganggarkan terdapat antara 50,000 dan 100,000 orang yang mempunyai dua kerakyatan, kebanyakannya tinggal di kawasan sempadan.

Abdullah dan Surayud juga dijangka menyentuh isu pembinaan tembok di sempadan di mana minggu lalu Perdana Menteri Thailand itu berkata beliau bersetuju dengan cadangan membina tembok keselamatan untuk membanteras kegiatan penyeludupan dan pergerakan secara tidak sah rakyat kedua-dua negara di sempadan.

Tembok sejauh 27 kilometer itu akan dibina di Betong dalam Wilayah Yala, iaitu salah satu daripada tiga wilayah di Thailand yang bersempadan dengan Malaysia.

- Utusan